

KENYATAAN MEDIA**ANGGOTA SWM ENVIRONMENT MENERIMA PENGIKTIRAFAN KERAJAAN NEGERI SEMPENA HARI KEPUTERAAN YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS YANG KE-72.**

SEREMBAN, 23 JANUARI 2020 - Seramai empat orang anggota kerja SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) menerima pengiktirafan sempena Hari Keputeraan Yang Di-Pertuan Besar, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir yang ke-72.

Keempat-empat anggota tersebut yang menerima Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) daripada Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan ialah Encik Kamarsam Bin Atan yang bertugas di SWM Environment Cawangan Port Dickson, Encik Dominic a/l Anantha dari Cawangan Seremban, Encik Zainuddin Bin Adam dari Cawangan Jempol dan Encik Mohammad Farid Bin Rasul dari Cawangan Nilai.

“Pihak pengurusan dan seluruh warga kerja SWM Environment menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir di atas perkenan Tuanku mengiktiraf jasa yang telah dicurahkan oleh warga kerja SWM Environment dalam memastikan tahap kebersihan di Negeri Sembilan sentiasa berada dalam keadaan terbaik dan memuaskan,” kata Ketua Pegawai Eksekutif, SWM Environment, Encik Ho De Leong.

Kerjaya di dalam bidang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dikategorikan sebagai 3D (*Dirty, Dangerous dan Difficult*) ini dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, komitmen dan secara profesional oleh seluruh warga kerja SWM Environment mengikut piawaian atau Indeks Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan oleh Kerajaan..

Oleh sebab itu, pengurniaan dan pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri kepada warga kerja SWM Environment buat kali kedua ini amat membanggakan bagi para penerima dari SWM Environment kerana ia melambangkan kepentingan kerjaya ini yang turut memberikan sumbangan kepada pembangunan dan kemajuan negeri ini.

Pengiktirafan ini juga dapat dijadikan sebagai inspirasi dan dorongan kepada seluruh warga kerja SWM Environment untuk bekerja dengan lebih baik dan gigih menjaga kebersihan negeri.



SWM Environment menyeru agar semua masyarakat dapat turut sama menjaga kebersihan alam sekitar dengan meningkatkan kesedaran dan amalan pengurusan sisa pepejal yang berhemah melalui pengasingan sisa di punca untuk dikitar semula dan membuang sisa ke dalam tong sampah bagi menjamin suasana kehidupan yang lebih bersih dan selesa.

Bagi pertanyaan lanjut sila hubungi talian Indahkan Malaysia di **1-800-88-7472** atau layari laman web www.swmenvironment.com.

TAMAT

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1997 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.98 juta orang bagi liputan geografi 27,400 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAR3CYCLE, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAR3CYCLE menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan terima mata ganjaran untuk lebih daripada 30 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian atau jaringan dompet elektronik (*e-wallet*) Boost untuk berbelanja dengan pedagang yang tersedia di bawah sistem pembayaran secara elektronik (*e-payment*). Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAR3CYCLE melalui *Google Play* atau *Apple Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.